

MODEL INSTITUSI PENDIDIKAN MELALUI SINERGI DANA WAKAF DAN ZAKAT DI MALAYSIA

MODEL OF EDUCATIONAL INSTITUTION THROUGH THE SYNERGY OF WAQAF AND ZAKAT FUNDS IN MALAYSIA

Azman Ab Rahmanⁱ, Muhamad Firdaus Ab Rahmanⁱⁱ & Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidiⁱⁱⁱ

ⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, azman@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, mfirdaus.rahan@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia,
 71800 Nilai, Negeri Sembilan, hussein@usim.edu.my

Abstrak	Abstract
<p><i>Pendidikan merupakan aset utama dalam kemajuan dan pembangunan sesebuah negara. Pelbagai sumber kewangan daripada pihak kerajaan dan swasta disediakan bagi memastikan semua rakyat Malaysia berpeluang mendapatkan pendidikan dan melanjutkan pelajaran. Wakaf dan zakat merupakan salah satu penyumbang terpenting dalam bidang pendidikan. Terdapat banyak usaha-usaha yang telah dilakukan oleh institusi wakaf dan zakat dalam pembangunan sektor Pendidikan termasuk membantu golongan B40 dan kurang bernasib baik. Justeru, kajian ini akan membincangkan peranan wakaf dan zakat bagi institusi pendidikan dalam konteks Malaysia. Kajian ini juga akan membincangkan cadangan model institusi pendidikan melalui sinergi dana wakaf dan zakat. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapati bahawa cadangan penubuhan institusi pendidikan yang dibiayai sepenuhnya menggunakan dana wakaf dan zakat wajar ditubuhkan bagi</i></p>	<p><i>Education is a main asset in the growing and development of a country. Various financial resources from the government and private agencies are provided to ensure that all Malaysians have the opportunity to obtain education and further their studies. Waqaf and zakat are one of the most important contributors in education. There have been many efforts undertaken by waqaf and zakat institutions in the development of education sector such as helping the B40 and underprivileged group. Therefore, this study will discuss the role of waqaf and zakat for educational institutions in the context of Malaysia. The study also will discuss the proposed educational institution model through the synergy of waqaf and zakat funds. This qualitative study uses the method of documentation. The findings suggest that the proposed establishment of a fully-funded educational institution using waqaf and zakat funds should be established for the sustainability of waqaf and zakat institutions as well as the ummah. The synergies between waqaf and zakat funds are believed to strengthen</i></p>

<p>kelestarian institusi wakaf dan zakat serta ummah. Sinergi antara dana wakaf dan zakat diyakini dapat memperkasan pengurusan dan pembangunan sektor pendidikan di Malaysia termasuk golongan yang memerlukan. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada pihak berwajib khususnya Majlis Agama Islam Negeri, Pusat Wakaf, Yayasan Wakaf, NGO-NGO yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan wakaf dan zakat di seluruh Malaysia.</p> <p>Kata kunci: Model, institusi pendidikan, wakaf dan zakat</p>	<p>the management and development of the education sector in Malaysia including for those in need. It is hopeful that this study can be used as a guideline and reference to the authorities especially the State Islamic Religious Council, Centre for Waqaf, Waqaf Foundation, as well as NGOs which involved either directly or indirectly in the management of waqaf and zakat throughout Malaysia.</p> <p>Keywords: Model, educational institution, waqf and zakat</p>
---	--

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan salah satu instrumen penting yang dapat membangunkan pendidikan setiap individu dan masyarakat. Wakaf dalam bidang pendidikan adalah pelaburan penting untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Sejarah telah membuktikan bahawa amalan wakaf dalam bidang pendidikan melahirkan institusi-institusi pengajian yang berkekalan yang melahirkan tokoh ulama terkenal. Antaranya Universiti Cordova di Andalus dan Universiti Al-Azhar di Mesir. Menurut Asmak (2009) wakaf merupakan salah satu instrumen penting yang turut membantu dalam pembangunan pendidikan. Sebagai contoh di Malaysia, sumbangan wakaf dalam bidang pendidikan di Tanah Melayu bermula seawal penubuhan institusi pendidikan pondok dan madrasah. Beberapa buah IPT di Malaysia mengambil langkah proaktif memperkenalkan skim wakaf berasaskan konsep waqf based university atau waqf university. Antara yang terawal memperkenalkannya adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada bulan Mac tahun 1999 yang dibangunkan dengan dana Kerajaan Malaysia berjumlah RM3.5 juta selain dana wakaf sumbangan individu, tokoh korporat, hartawan daripada dalam dan luar negara.

Zakat juga mempunyai peranan yang besar bagi pembangunan pendidikan kepada setiap golongan masyarakat. Zakat turut berperanan sebagai pemangkin kepada keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia. Dana zakat bagi pembangunan pendidikan dapat membantu mengatasi masalah keciciran pelajaran dan membasmikan kemiskinan jangka masa panjang. Pendidikan dan pembelajaran yang berterusan di setiap peringkat sekolah rendah, menengah, pengajian tinggi sehingga berjaya dapat membuka peluang pekerjaan yang cerah dan menjamin masa depan yang baik. Kepentingan zakat dari sudut ekonomi pula tidak dinafikan lagi dalam

menjana pertumbuhan ekonomi yang seimbang melalui agihan semula kekayaan dalam masyarakat dan membebaskan manusia dari belenggu kemiskinan melalui penyediaan saraan hidup atau modal yang mencukupi bagi golongan yang memerlukan.

Peranan zakat dalam bidang pendidikan umpsamanya diagihkan melalui penyediaan skim bantuan secara langsung dan tidak langsung kepada asnaf bagi tujuan pendidikan. Realitinya dalam konteks pendidikan di Malaysia, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar dalam bidang pendidikan. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM36 billion pada 2012 dan RM38.7 billion pada 2013. Jumlah peruntukan ini dilihat terus meningkat terutamanya pada 2014, iaitu sebanyak RM54.6 billion kepada Kementerian Pendidikan. Ini membuktikan bahawa pendidikan menjadi sandaran utama dalam membangunkan negara (Bernama, 2013). Justeru, institusi zakat seperti Pusat Zakat dan unit Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri-negeri di 14 buah negeri di Malaysia turut meringankan beban kerajaan dengan menyediakan bantuan pendidikan melalui zakat. Skim bantuan pendidikan daripada zakat disalurkan dalam kalangan fakir dan miskin bagi menampung perbelanjaan untuk pendidikan. Ini penting bagi mengelak berlakunya keciciran pembelajaran disebabkan kemiskinan.

Pelaksanaan sistem wakaf dan zakat memberikan impak positif bukan hanya kepada golongan kaya, malah turut memberi kesan kepada golongan fakir dan miskin. Sistem wakaf dan zakat telah berkembang di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia yang telah banyak menyumbang dalam pembangunan ekonomi dan pendidikan. Melihat kepada manfaat yang disalurkan melalui sistem zakat dan wakaf, kelestarian dari sudut pembangunan institusi pendidikan diyakini dapat diperkasakan melalui sinergi dana wakaf dan zakat.

Di Malaysia, bidangkuasa pentadbiran wakaf dan zakat adalah tertakluk kepada setiap negeri dan masih tiada sistem pengurusan berpusat yang khusus bagi mewujudkan kelestarian dalam pembangunan institusi pendidikan melalui sinergi wakaf dan zakat. Berdasarkan pemerhatian penyelidik, di Malaysia sehingga kini masih tidak terdapat institusi pendidikan yang beroperasi menggunakan dana wakaf dan zakat sepenuhnya dilaksanakan. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji dan mencadangkan satu model institusi pendidikan melalui sinergi dana wakaf dan zakat yang boleh diaplikasikan di Malaysia.

PERANAN WAKAF DAN ZAKAT DALAM INSTITUSI PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Wakaf pendidikan di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga kategori: Pertama, bermula di sekolah pondok dan madrasah. Kedua, wujudnya

wakaf pendidikan di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN). Ketiga, wakaf pendidikan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Di Malaysia, Ahmad Zaki et. al. (2008) mendapati terdapat 175 buah institusi pendidikan wakaf di Malaysia meliputi wakaf di sekolah pondok, madrasah, Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri, pusat latihan dan kemahiran, pusat dakwah serta pusat pengajian warga emas. Daripada jumlah tersebut, Perak merupakan negeri yang mempunyai institusi pendidikan wakaf yang paling banyak iaitu sebanyak 40 buah, diikuti oleh Kedah, 29 buah dan Johor, 27 buah institusi pendidikan wakaf. Wakaf pendidikan ini tidak terhad kepada sekolah sahaja, malah turut melibatkan pelbagai jenis institusi pendidikan lain seperti pusat latihan dan kemahiran, pusat dakwah serta pusat pengajian warga emas.

Manakala Wan Kamal Mujani (2014), Najibah Mustaffaa dan Mohd Zamro bin Muda (2014) menyatakan terdapat beberapa Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia yang serius menjadikan konsep wakaf sebagai kaedah penjanaan kewangan bagi universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia (UM). Agenda wakaf institusi pendidikan tinggi terbukti mendapat tempat di Malaysia dengan wujudnya universiti wakaf pertama di Malaysia iaitu Universiti Islam Malaysia (UIM) yang terletak di Cyberjaya. Ia merupakan satu-satunya universiti pertama ditubuhkan di bawah naungan Majlis Raja-raja Melayu pada 12 Oktober 2010. UIM dianggap sebagai pelopor kepada wakaf pendidikan negara dan akan dijadikan panduan untuk penubuhan wakaf institusi pendidikan tinggi di masa akan datang (Mohd Syakir, 2015).

Institusi zakat seperti Pusat Zakat dan unit Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri di 14 buah negeri di Malaysia banyak membantu institusi pendidikan berdasarkan skim-skim bantuan pendidikan yang disediakan kepada pelajar asnaf yang secara tidak langsung membantu kerajaan Malaysia dalam menangani masalah pendidikan dalam kalangan fakir dan miskin.


Justeru, sebuah institusi pendidikan berdasarkan dana wakaf dan zakat perlu dibangunkan secara menyeluruh bagi meningkatkan peluang pendidikan terutamanya dalam kalangan fakir dan miskin. Pengkaji amat yakin dengan perkembangan institusi wakaf dan zakat yang amat baik, usaha untuk membangunkan sebuah institusi pendidikan berkonsepkan wakaf dan zakat tidak mustahil dilaksanakan.

CADANGAN MODEL INSTITUSI PENDIDIKAN MELALUI SINERGI DANA WAKAF DAN ZAKAT

Cadangan model institusi pendidikan ini adalah berdasarkan kepada Panduan Am Penubuhan Sekolah Antarabangsa Institusi Pendidikan Swasta

(Kementerian Pendidikan Malaysia) dengan melakukan beberapa perubahan dan pindaan. Empat domain utama menjadi kerangka asas penubuhan institusi Pendidikan berasaskan dana wakaf dan zakat iaitu pengurusan pembangunan, pengurusan pentadbiran, pengurusan akademik dan pengurusan kewangan.

Model Institusi Pendidikan Melalui Sinergi Dana Wakaf dan Zakat merupakan transformasi baharu dalam sistem pendidikan kebangsaan yang diyakini dapat menyelesaikan isu keciciran pelajaran bagi kumpulan kurang bernasib baik di Malaysia. Cadangan penubuhan institusi ini diharapkan dapat membantu semua anak fakir dan miskin di Malaysia mendapat peluang pendidikan dari peringkat rendah hingga menengah seterusnya pengajian tinggi pada masa akan datang dengan terlaksananya pendekatan baru ini. Cadangan penubuhan Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat merangkumi aspek pengurusan pentadbiran, pengurusan kewangan, pengurusan pembangunan dan pengurusan akademik. Kerangka model yang dicadangkan adalah sebagaimana dalam rajah di bawah:



Rajah 1.0: Model Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat

Berdasarkan rajah 1.0 di atas, terdapat 4 aspek pengurusan bagi model institusi pendidikan wakaf dan zakat. Keempat-empat aspek pengurusan tersebut meliputi pengurusan pembangunan, pengurusan pentadbiran, pengurusan akademik dan pengurusan kewangan.

Pengurusan Pembangunan

- Institusi pendidikan ini dibina dan dibangunkan sepenuhnya melalui pembiayaan dana wakaf dan zakat. Ia ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 khusus untuk golongan asnaf yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin dan masyarakat Islam di Malaysia. Penubuhan institusi pendidikan ini untuk memastikan asnaf fakir dan miskin tidak tercincir dalam sistem pendidikan dan secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada mereka untuk belajar dan mengubah nasib mereka pada satu hari nanti.
- Pembangunan yang akan dilakukan adalah dengan meletakkan institusi tersebut di tempat yang strategik bagi memudahkan ilmu dan kemudahan yang bakal disediakan mudah untuk diperolehi.
- Prasarana yang lengkap dapat membantu untuk memudahkan para pelajar mengakses kemudahan bagi tujuan pembelajaran berkualiti.

Pengurusan Pentadbiran

- Sistem yang dilaksanakan adalah mengikut hierarki di mana Guru Besar/Pengetua adalah sebagai penaung dalam mentadbir segala hal pentadbiran dan akademik. Sistem ini akan dibantu oleh Ahli Jawatankuasa tertinggi dalam memperhalusi pengurusan yang lebih strategik.
- Kakitangan akademik akan dikenal pasti mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Pengurusan Akademik

- Pengambilan pelajar adalah mereka yang terdiri daripada golongan fakir dan miskin yang mempunyai potensi dalam pendidikan dan ingin memajukan diri sendiri dalam meningkatkan taraf hidup ekonomi.
- Terbuka kepada semua masyarakat Islam yang layak.
- Konsep pendidikan yang diaplikasikan adalah sistem integrasi arus perdana dan pengajian pondok. Terbahagi kepada dua peringkat utama:
 - Peringkat sekolah (rendah dan menengah)
 - Peringkat pengajian tinggi (Sijil: kemahiran, vokasional dan teknik)
- Institusi pendidikan ini akan menjalani audit dalam membuat pemfailan data pelajar untuk menunjukkan statistik peningkatan pembelajaran setiap pelajar. Penyusunan pentadbiran yang dilakukan perlulah sistematik supaya pelajar sentiasa di dalam pemantauan yang baik dalam menjana tenaga muda yang berkemampuan dalam mentadbir negara. Kualiti pembelajaran yang ditawarkan perlulah

mengikut silibus yang telah ditetapkan dan selaras dengan institusi-institusi pendidikan yang lain.

Pengurusan Kewangan

- Kewangan yang diperolehi dalam institusi ini adalah sepenuhnya dari dana wakaf dan zakat daripada Majlis Agama Islam Negeri, Yasasan Wakaf, penyumbang wakaf korporat, individu dan sebagainya.
- Unit pelaburan juga ditubuhkan bagi memastikan kelestarian dana yang berterusan.

PERANCANGAN PEMBANGUNAN DAN REKA BENTUK INSTITUSI PENDIDIKAN MELALUI SINERGI DANA WAKAF DAN ZAKAT

Rekabentuk institusi Pendidikan wakaf dan zakat dibentuk dengan mengambil kira konsep pembinaan masjid al-haram di Mekah. Berikut merupakan kerangka perancangan pembangunan reka bentuk Institusi Pendidikan Melalui Sinergi Dana Wakaf dan Zakat:



Rajah 2.0: Model Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat



Rajah 3.0: Prasarana Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat



Rajah 4.0: Pandangan Luar Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat



Rajah 5.0: Model Institusi Pendidikan Wakaf dan Zakat

Bangunan utama umpama kaabah ditengah-tengah merupakan bangunan utama pentadbiran dan akademik termasuk masjid. Bangunan utama memiliki 7 tingkat yang terdiri daripada 2 tingkat bahagian pentadbiran, 1 tingkat masjid dan 4 tingkat bahagian akademik.

Bangunan utama bercantum dengan 2 bangunan lain kiri dan kanan umpama tempat saie di Mekah yang merupakan asrama bagi pelajar lelaki dan wanita yang terdiri daripada 4 tingkat. Tingkat bawah merupakan laluan seperti saie kiri dan kanan yang dijadikan tempat aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara santai. Manakala tingkat 2 hingga 4 merupakan asrama lelaki dan wanita.

Bangunan lain yang bercantum dengan bangunan utama dibelakang adalah bangunan untuk menempatkan parking kereta bagi staf dan pelajar. Bangunan ini direkabentuk seumpama tempat melontar jumrah di Mina.

Semua bangunan disusun dan dibentuk seumpama masjid al-haram bertujuan menjadikan tempat ini sebagai tempat untuk praktikal haji dan umrah. Kebanyakan bangunan yang dibina di Malaysia hanya boleh digunakan untuk tujuan dalaman sahaja berbeza dengan bangunan ini yang dibina dapat digunakan luar dan dalam. Ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada pihak luar menggunakan kemudahan di institusi ini dan secara tidak langsung dapat menjana keuntungan daripada penyewaan dan sebagainya.

PENUTUP

Keperluan penubuhan sebuah institusi pendidikan baharu yang dibiayai sepenuhnya menggunakan dana wakaf dan zakat perlu dikaji dan diteliti secara menyeluruh oleh Majlis Agama Islam Negeri dan pihak-pihak berkaitan. Penggunaan dana wakaf dan zakat dalam konteks pendidikan harus disernekikan sebaik mungkin untuk mencapai objektif yang maksimum. Institusi pendidikan berasaskan dana wakaf dan zakat ini diharapkan dapat memastikan golongan asnaf berpeluang memeroleh pendidikan yang sama rata dan berkualiti. Cadangan ini juga dapat mewujudkan satu inovasi baharu dalam sistem agihan zakat di Malaysia dan pembangunan wakaf melalui penubuhan institusi pendidikan yang dibiayai sepenuhnya melalui dana wakaf dan zakat yang pertama di Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Zaki Abd Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zurina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman, Norzaidi Mohd Daud. 2008. *Wakaf, Pengurusan Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia*, UPENA, UTM Shah Alam.
- Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia, *Shariah Journal*, Vol. 17, No. 1, 113-152.
- Bernama. 26 Oktober 2013. "Peruntukan Besar Bukti Pendidikan Sandaran Utama Bangunkan Negara". 2013. http://web10.bernama.com/budget2014/index.php?lang=my&sid=news_detail&id=988622. Diakses pada: 6 Mei 2019.
- Mohd Syakir Mohd Taib (2015). *Universiti Islam Malaysia (UIM); Wakaf Pendidikan Tinggi Pertama Di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Najibah Mustaffa & Mohd Zamro Bin Muda. 2014. "Pengurusan Wakaf Pendidikan Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia: Satu Sorotan Literatur", *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 1, (2014), 45-57.
- Wan Kamal Mujani, Awar Muttaqin & Kartini Aboo Talib Khalid. (2014). "Historical Development of Public Institutions of Higher Learning in Malaysia", *Middle-East Journal of Scientific Research* 20 (12): 2154-2157.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.